

KEMPEN PB JUNIOR

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Junior (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

1. Butir-butir Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019** (“Tempoh Kempen”). PBB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh berakhirnya Tempoh Kempen ini.
- 1.2 Kempen ini dijalankan di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Mekanisma Kempen

- 2.1 Kempen ini mengandungi dua (2) subkempen yang mana Produk yang Layak adalah seperti yang berikut:

Subkempen	Produk yang Layak*
Kempen Akaun Simpanan PB Junior (PB Junior SA)	<ul style="list-style-type: none">• Akaun Simpanan PB Bright Star (PBBS)• Akaun Simpanan WISE (WISE)
Kempen Deposit Tetap PB Junior (PB Junior FD)	<ul style="list-style-type: none">• Deposit Tetap PLUS (DT PLUS)

*Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”)

- 2.2 Peserta yang Layak perlu mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior SA” terlebih dahulu sebelum layak untuk menyertai “Kempen PB Junior FD”.

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen ini hanya terbuka kepada semua Pelanggan PBB baharu dan sedia ada termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).

- 3.2 Bagi membolehkan pemegang akaun yang berumur di bawah umur 18 tahun (“Kanak-kanak”) yang membuka akaun PBBS/WISE persendirian/bersama untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, ibu atau bapa/penjaga sah Kanak-kanak itu mesti memberi keizinan dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Ibu atau bapa/penjaga sah Kanak-kanak tersebut akan dianggap sebagai Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 3.3 Peserta yang Layak untuk Akaun Bagi Pihak atau Akaun Bersama ialah ibu atau bapa/penjaga sah kanak-kanak berkenaan.
- 3.4 Pelanggan yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad.
 - b) Akaun bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- 3.5 Dana yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk pada dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB tetapi merujuk bentuk dana yang berikut:
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan ke dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT)/GIRO Antara Bank (IBG)/RENTAS daripada bank-bank lain.
- 3.6 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu itu dipindahkan kepada PBB dalam mana deposit itu disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan / membenarkan PBB untuk melaksanakan peletakan tersebut.
- 3.7 Deposit yang dibuat menggunakan cek tertakluk pada penjelasan dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku dan peletakan akan berkuat kuasa apabila fasal ini dipenuhi.

- 3.8 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB. Bagaimanapun, Peserta yang Layak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior FD” dan “Kempen PB Junior SA” secara serentak.

4. Kempen PB Junior SA

- 4.1 Untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior SA”, Peserta yang Layak perlu:
- a) membuka PBBS atau WISE baharu dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun baharu) atau menambah deposit minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun sedia ada); dan
 - b) mendaftar bagi Arahan Tetap bulanan untuk memindahkan sekurang-kurangnya RM200 sebulan daripada akaun semasa/simpanan (CASA) ibu atau bapa/penjaga yang sah yang disenggara dalam PBB yang Ditentukan (CASA yang Ditentukan) kepada PBBS atau WISE untuk 12 bulan berturut-turut.
- 4.2 Apabila syarat seperti yang dinyatakan dalam fasal 4.1 itu dipenuhi, Peserta yang Layak layak untuk mendapat Hadiah Selepas Pendaftaran yang merupakan Bekas Air.
- 4.3 Peserta yang Layak yang berjaya membuat Arahan Tetap setiap bulan selama dua belas (12) bulan berturut-turut dalam PBBS / WISE layak untuk mendapat Hadiah untuk Arahan Tetap yang merupakan Pemanas Makanan Elektrik Pelbagai Guna Phyliss yang juga Bekas Makanan (Bekas Makanan).
- 4.4 Jika Arahan Tetap itu dihentikan sebelum berakhirnya dua belas (12) bulan berturut-turut itu, Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat hadiah, iaitu Bekas Makanan tersebut.
- 4.5 Peserta yang Layak perlu menandatangani Arahan Tetap bulanan itu di cawangan yang sama di mana PBBS/WISE itu dibuka/disenggara.
- 4.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk mengambil satu atau beberapa Hadiah Selepas Pendaftaran dan/atau Hadiah untuk Arahan Tetap yang dinyatakan dalam Fasal 4.2 dan 4.3 selagi beliau memenuhi kriteria kelayakan.

- 4.7 Pertukaran Produk Tidak Layak kepada PBBS atau WISE semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior SA”.

5. Hadiah

- 5.1 Apabila keperluan “Kempen PB Junior SA” dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak layak untuk mendapat Hadiah Selepas Pendaftaran dan/atau Hadiah untuk Arahan Tetap.
- 5.2 Hadiah akan dikeluarkan atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.
- 5.3 Tiada pilihan untuk warna.
- 5.4 Hadiah tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh diubah untuk tunai, kredit atau barang, sebahagian atau sepenuhnya. Hadiah di bawah “Kempen PB Junior SA” tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang seperti yang ditunjukkan di dalam iklan dan/atau bahan promosi kerana aksesori dan barang itu hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 5.5 PBB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan apa-apa Hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk meningkatkan atau mengurangkan jumlah bilangan Hadiah.
- 5.6 Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan apa-apa Hadiah. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh Hadiah dan/atau kegagalan ejen/pembekal/pengedar untuk memenuhinya.

6. Pengambilan Hadiah

- 6.1 Peserta yang Layak hanya boleh mengambil Hadiahnya dari cawangan di mana beliau mendaftar untuk kempen PB Junior SA.
- 6.2 Hadiah untuk Arahan Tetap boleh diambil dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamatnya tempoh Arahan Tetap selama dua belas (12) bulan berturut-turut yang mana PBB akan memaklumkan kepada Peserta yang Layak mengenai pengambilan tersebut.

- 6.3 Hadiah mesti dituntut oleh Peserta yang Layak dalam tempoh 30 hari kalendar selepas Peserta yang Layak dimaklumkan oleh PBB mengenai pengambilan hadiah itu. Jika tidak, Peserta yang Layak dianggap sebagai kehilangan haknya terhadap Hadiah tersebut dan tidak layak untuk menuntut hadiah itu lagi.

7. Kempen PB Junior FD

- 7.1 Peserta yang Layak perlu mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior SA” **terlebih dahulu sebelum** layak untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB Junior FD”.
- 7.2 Sekiranya Arahan Tetap di bawah “Kempen PB Junior SA” ditamatkan sebelum berakhirnya dua belas (12) bulan itu, Peserta yang Layak tidak dibenarkan untuk membuat peletakan DT PLUS di bawah “Kempen PB Junior FD”.
- 7.3 Peletakan deposit di bawah “Kempen PB Junior FD” tertakluk pada had maksimum dan minimum seperti yang berikut:

Peletakan Deposit	
Minimum	Maksimum
RM5,000 setiap resit	RM1 Juta (setiap pelanggan)

- 7.4 Peletakan DT PLUS di bawah “Kempen PB Junior FD” mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.
- 7.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan DT PLUS dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM5,000 bagi setiap resit.
- 7.6 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

Tempoh	Kadar faedah promosi (% setahun)
15 bulan	4.35

- 7.7 Peletakan DT PLUS hanyalah untuk 15 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, peletakan DT PLUS itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 15 bulan pada kadar kaunter semasa dengan faedah dikreditkan dalam CASA Ditetapkan Peserta yang Layak atas dasar setiap bulan.
- 7.8 Faedah DT PLUS akan dikreditkan setiap bulan ke dalam CASA yang Ditetapkan menurut peraturan pengendalian biasa PBB bagi pengkreditan faedah Deposit Tetap ke dalam CASA yang mana CASA yang Ditetapkan berada dalam entiti yang sama seperti Akaun DT PLUS Peserta yang Layak.
- 7.9 Faedah dikira mengikut bilangan hari sebenar.
- 7.10 Kadar faedah promosi ditetapkan berdasarkan penyertaan / peletakan.
- 7.11 **Peletakan Deposit di bawah “Kempen PB Junior FD” ini yang dikeluarkan sebelum matang, semasa tempoh berkenaan tidak layak untuk mendapat apa juga faedah dan apa-apa faedah bulanan yang dikreditkan sebelum pengeluaran sebelum matang DT PLUS bagi setiap bulan penuh akan ditolak daripada amaun pokok sebelum jumlah pokok DT PLUS itu dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DT PLUS itu diperbaharui.

- 7.12 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam DT PLUS **tidak** dibenarkan.
- 7.13 Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi itu akan disemak.
- 7.14 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan DT PLUS mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB berhak untuk menolak/mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.

- 7.15 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam DT PLUS di bawah “Kempen PB Junior FD” ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i / kemudahan atau pembiayaan lain.

8. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 8.1 PBB TIDAK akan bertanggungjawab dalam apa juga cara, bagi apa-apa kejadian yang diakibatkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk kerja, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, apa juga gangguan teknikal atau sistem, campur tangan manusia tanpa kebenaran dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan pemprosesan Kempen ini.
- 8.2 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kehilangan dan kerosakan atau apa juga sekalipun yang dialami oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, berikutan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut dan/atau Hadiah berkenaan.
- 8.3 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Hadiah. PBB tidak membuat representasi berkenaan dengan Hadiah tersebut terutamanya terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk menggunakannya.
- 8.4 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan pada Hadiah tersebut akan dipindahkan kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut dihantar kepada Peserta yang Layak. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana Hadiah yang mempunyai kecacatan, hilang, rosak atau dicuri.

9. Hak PBB

- 9.1 Tanpa menjejaskan peruntukan dalam Fasal 7.13 di atas dan kecuali dan melainkan bagi kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Fasal 7.6 di atas yang ditetapkan apabila penyertaan / peletakan dibuat, PBB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, pemotongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana di atas.
- 9.2 Kelayakan Peserta yang Layak untuk Hadiah adalah mengikut budi bicara PBB. Keputusan PBB berhubung dengan semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut akan dilayani.
- 9.3 Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penundaan Kempen ini oleh PBB tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat tuntutan atau meminta ganti rugi daripada PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan perubahan dalam tempoh atau tarikh akhir atau tindakan pembatalan, penamatan atau penundaan tersebut.

10. Lain-lain

10.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dan Arahan Tetap dengan PBB, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak dan Arahan Tetap beliau boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan bahawa tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.

10.2 Untuk meneliti Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan syarikat gabungannya, sila layari www.pbebank.com.my atau mana-mana cawangan PBB.